

(16 Januari 2021) Berita Harian, p.23.



Pengunjung taman awam dan rekreasi di seluruh Wilayah Persekutuan perlu patuhi SOP lebih ketat.

# Wilayah Persekutuan buka semula taman awam, rekreasi

Pengunjung tak dibenar jalankan sebarang aktiviti berkumpulan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua taman awam dan rekreasi di seluruh Wilayah Persekutuan akan dibuka semula kepada orang ramai, namun dengan kawalan ketat.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata mereka yang mengunjungi taman awam berkenaan tidak dibenar menjalankan sebarang aktiviti berkumpulan seperti senam robik.

Beliau berkata, aktiviti perniagaan juga tidak dibenar beroperasi, manakala orang ramai yang berkunjung ke kawasan itu mesti mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pengumuman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup semua taman awam, kita dapat maklum balas penutupan



Annuar Musa

tidak semestinya selari dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN), seperti riadah secara bersendirian masih dibenarkan.

"Selepas menimbang semula, kita memutuskan taman awam DBKL perlu dibuka tetapi dikawal selia, SOP mesti dipatuhi.

"Lazimnya, apabila taman dibuka, ada kumpulan buat riadah dan berkelah, namun ia tidak pula menghalang aktiviti lain dibuka untuk digunakan orang awam selagi ia tidak bertentangan dengan SOP Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya menerusi FB Live beliau, semalam.

Annuar berkata, semua premis dan kedai cermin mata yang juga beroperasi di Wilayah Perseku-

tuan dibenar membuka perniagaan mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kedai cermin mata yang awal dulu termasuk dalam (perniagaan yang) tidak boleh dibuka, adalah diputuskan selepas MKN berpuas hati, kedai cermin mata boleh beroperasi sebagai sebahagian khidmat diperlukan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian akan melancarkan Program MY5 pada 1 Februari depan dalam usaha menjamin kehidupan lebih berkualiti kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan khususnya penghuni di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Katanya, satu pendekatan baharu akan diperkenal menerusi program itu iaitu MyBeras dengan golongan memerlukan termasuk asnaf akan diberi bantuan beras percuma sepanjang PKP ini.

"Mereka yang ingin mendapatkan beras ini boleh memohon kupon daripada majlis penduduk. MyBeras diperoleh hasil sumbangan saya sendiri, yaysan dan kementerian serta orang awam yang ingin membantu," katanya.